

Bandar raya digital

Kosmo m/s 32 27/8/07

Oleh SUHANA MD. YUSOP
suhana.yusop@kosmo.com.my

KOSMO!: Boleh Datuk terangkan inisiatif eKL ini?

NORMAH: Inisiatif eKL bertujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan menggunakan ICT dan menyediakan perkhidmatan secara bersepadu di kawasan Lembah Klang yang boleh dilayari di <http://ekl.gov.my>. eKL bertujuan mewujudkan satu inisiatif yang 'menggerakkan' pelaksanaan kerajaan elektronik di sekitar Lembah Klang menjadi lebih efisien, cepat, berkualiti, selamat dan mesra pelanggan serta mampu memberi impak tinggi kepada orang ramai.

Bagaimana eKL dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan Lembah Klang?

Kerajaan dan pelanggan harus menjadikan budaya penyampaian elektronik sebagai satu cara hidup atau *eKL-lifestyle*. Memandangkan eKL akan menggunakan pendekatan mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan teknologi seperti web, teknologi tanpa wayar, respons suara interaktif (IVR), WAP, web mudah alih, telefon dan sebagainya. Kerajaan sememangnya berharap kejayaan eKL membolehkan masyarakat melihat sendiri contoh kerajaan elektronik terbaik di kawasan Lembah Klang menjelang tahun 2010. Kerajaan percaya kejayaan yang kita raih nanti akan memudahkan kita memperkembangkan usaha meningkatkan penyampaian kerajaan menerusi ka-

PENGUNAAN teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara meluas dalam sesebuah organisasi telah menjadi pencetus kepada kerajaan untuk menguar-uarkan Projek Kerajaan Elektronik.

Projek yang dikenali sebagai inisiatif eKL membabitkan kawasan Lembah Klang ini merupakan antara langkah terbaru untuk menyepadukan penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah yang lebih sistematik dan seragam.

Ikuti temu bual dengan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Normah Md. Yusof berhubung inisiatif eKL yang berperanan sebagai Satu Kerajaan Banyak Agensi.



NORMAH MD. YUSOF

edah elektronik ini ke seluruh negara sebelum tahun 2020.

eKL juga akan memperkenalkan lebih banyak kemudahan *Mobile Government (M-Government)* bagi membolehkan pelanggan mendapat atau berurusan menerusi kaedah mudah

alih seperti sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dan *mobile web* yang kini masih menawarkan perkhidmatan yang terhad.

Memandangkan eKL akan menggunakan pendekatan mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan teknologi seperti web, teknologi tanpa wayar, respons suara interaktif (IVR), WAP, web mudah alih, telefon dan sebagainya, maka hubungan pelanggan dengan agensi kerajaan akan lebih dekat dan mudah.

Pada masa ini kita hanya mempunyai kira-kira 50 perkhidmatan kerajaan yang disediakan menerusi SMS. Kerajaan menjangka angka ini dapat dipertingkatkan kepada 500 menjelang tahun 2010.

Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan 'satu kerajaan banyak agensi' dan 'tiada pintu yang salah'?

eKL akan menampilkan identiti tunggal 'satu kerajaan banyak agensi' (*One Government Many Agencies*) supaya pelanggan dapat menikmati per-

eKL

khidmatan yang disediakan oleh agensi-agensinya kerajaan.

Agensi kerajaan juga perlu mengamal dan menghayati Dasar 'Tiada Pintu Yang Salah' seperti disarankan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan supaya melayani pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi berkenaan.

Dengan cara ini, agensi kerajaan dapat bertindak secara lebih profesional, efektif, cekap dan bertanggungjawab bagi membolehkan orang ramai berurusan dengan lebih mudah.

Harapan Datuk terhadap inisiatif eKL?

Kerajaan sememangnya berharap kejayaan eKL membolehkan masyarakat melihat sendiri contoh kerajaan elektronik terbaik di kawasan Lembah Klang menjelang tahun 2010.

Kerajaan percaya kejayaan yang kita raih nanti akan memudahkan kita memperkembangkan usaha meningkatkan penyampaian kerajaan menerusi kaedah elektronik ini ke seluruh negara sebelum tahun 2020.

Projek eKL akan menjadi satu usaha untuk mengangkat martabat penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan di kawasan Lembah Klang ke mercu kecemerlangan dan kegemilangan serta menjadi kebanggaan negara dan menjadi tumpuan dunia.

Saya yakin eKL adalah inisiatif terbaik untuk meletakkan negara khususnya kawasan Lembah Klang dalam kedudukan terbaik dalam mana-mana carta daya saing global yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan kerajaan.



EKL mendekati orang ramai dan agensi kerajaan lebih dekat, cepat, mudah dan efisien.